

Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial

*Transsexuality: An Analysis from Islamic and Family
Perspectives in Social Well-being Context*

Amran Hassan*, Fatimah Yusoff, Khadijah Alavi

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Corresponding author: amraning@gmail.com*

Abstrak

Isu transeksual atau lelaki lembut merupakan satu isu yang wajar diketengahkan untuk dijadikan satu asas dan panduan kepada kajian kecelaruan gender. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Namun, ajaran dan perspektif Islam tidaklah harus dilupakan dalam melihat dan membuat penilaian terhadap isu transeksual ini, serta memberikan satu panduan kepada mereka yang terlibat bahawa inilah asas dan pegangan agama terhadap isu ini. Islam telah meletakkan beberapa garis panduan dan hukum dalam menangani isu ini, serta memperlihatkannya sebagai perkara yang wajar diberi perhatian oleh semua pihak melalui Al Quran, hadis, fatwa. Juga kajian lepas perlu diteliti dan difahami. Kajian ini juga melihat transeksual dari perspektif keluarga dengan memfokus kepada perkara yang menjadi punca dan mengaitkan dengan hubungan dalam keluarga dan keadaan sosial masyarakat. Semua pihak harus berganding bahu secara bersama untuk membantu golongan transeksual ini mengenali identiti jantina yang sebenar serta kembali ke pangkal jalan.

Kata kunci transeksual, Islam, kesejahteraan sosial

Abstract

Transsexuality or male femaling is one of the issues that we ought to be highlighted so as to be a foundation for a guide gender disorder studies. Many factors contribute to transsexuality and Islam's perspective must not be left aside in order to help and guide individuals who are facing this condition. Islam has rules and guidelines regarding this issue in the al-Quran, hadith and fatwas. Researches that had been conducted in this field also need to be studied and understood. This study also looks at transsexuality from the family perspective by focussing on causing factors and relating them to family relations and social situations of the society. All parties must work together to help this group of individuals to realize and accept their true gender.

Keywords transsexuals, Islam, social well-being

Pengenalan

Norma masyarakat merupakan keteraturan sosial yang berhubungan dengan penilaian individu terhadap tindakan dan gagasan melalui perilaku seseorang anggota dalam masyarakat. Jika tingkahlaku masyarakat tidak mengikut norma atau sesuatu perilaku menyimpang dan bercanggah, ianya dianggap sebagai perilaku abnormal. Keabnormalan itu dianggap sebagai suatu yang mengalami simptom-simptom tingkah laku yang bercelaru yang berpunca oleh sebab-sebab organik atau juga psikologi (Azizi dan Jamaludin, 2007). Abnormal ditakrifkan sebagai tingkah laku yang ditunjukkan atau dialami yang merupakan masalah bagi dirinya dan orang lain (Azizi dan Jamaludin, 2007). Mereka ini berkelakuan luar biasa daripada masyarakat dan jauh terpesong daripada kelakuan orang ramai sehingga dikatakan sebagai golongan tidak normal. Selain itu, ia juga dikatakan sebagai tingkah laku yang tidak berasas sebagai orang yang normal dan dikategorikan sebagai bercelaru atau '*disorders*'. Persatuan Kesihatan Mental Malaysia menganggarkan sebanyak 32 juta penduduk dunia menghadapi masalah abnormal ini dan mereka semua dikaitkan dengan permasalahan jiwa (Mahmood, 2010).

Isu transeksualiti terutama melibatkan golongan lelaki lembut atau juga dipanggil '*male femaling*', '*male efiminet*', '*mak nyah*', '*bapok*', '*male transexual*' dan '*pondan*' merupakan isu yang hebat melanda di Malaysia. Pelbagai andaian, tohmahan, kritikan dan cemuhan telah diberikan terhadap golongan yang terkategori sebegini sehingga membawa kepada pandangan serong masyarakat. Pandangan serong ini telah menyusahkan hidup mereka, sekaligus memberikan satu impak stigma yang buruk dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan (Teh, 2002). Ibu bapa dan keluarga juga tidak dapat menerima anak mereka jika berkeadaan pelik, lebih-lebih lagi melibatkan lelaki lembut yang mula terjebak dalam isu transeksual. Cemuhan, kritikan dan gelaran yang tidak berasas akan mengukuhkan lagi anak-anak atau individu ini untuk menjadi lebih teruk. Tambahan pula, wujudnya didikan yang terabai dan tidak memberikan perhatian terhadap kekurangan yang wujud dalam dirinya itu (Rozumah dan Rumaya, 2002). Keadaan ini menimbulkan perasaan kepada individu seperti rendah diri dan mengelak untuk berada di khalayak ramai. Perasaan kurang senang dan pendaman akan timbul sehingga menyebabkan diri mereka memberontak secara dalaman.

Jimat (2010) mengatakan bahawa seorang lelaki itu lembut bukan sahaja dari segi tutur kata, malah dalam kehidupan seharian seperti memakai beg tangan wanita, bersolek, serta sering bercakap tentang kekacakan dan ketampanan seseorang lelaki yang lain. Mereka dikaitkan dengan golongan yang termasuk dalam golongan konflik gender, iaitu terdapat sebilangan lelaki sudah tidak kelihatan seperti lelaki, dan perempuan tidak kelihatan sebagai seorang perempuan (Amran, 2011). Semua ini menunjukkan bahawa wujudnya konflik gender secara dalaman hasil daripada pemberontakan perasaan yang dizahirkan secara luaran untuk menyatakan mereka sebenarnya sedang berkonflik. Pemberontakan itu diluahkan secara terang-terangan dan perubahan secara fizikal ditunjukkan sebagai tanda bahawa itulah dirinya yang sebenar yang terpendam selama ini.

Manakala dari sudut Islam pula, transeksualiti ini dikaitkan dengan sejarah kaum Nabi Luth, yang dilaknat oleh Allah dengan menimpakan bala ke atas kaum yang kufur.

Kufur di sini ialah kerana pengamalan yang tidak dihalalkan dalam hubungan antara seorang lelaki dengan lelaki yang lain. Keterangan ini disokong oleh riwayat daripada Ibnu Asakair yang meriwayatkan bahawa Hazrat Abdullah bin Abbas Radiallahuanhu berkata:

Amalan kejahatan ini bermula apabila Syaitan datang kepada kaum ini dalam bentuk seorang pemuda yang tampan, dan mengajak mereka untuk berasmara dengannya. Maka penduduk itu tercebur dalam kejahatan ini dengannya dan kemudian mengamalkannya dengan bebas.

(Muhammad, 2004)

Penjelasan dan penceritaan riwayat ini jelas menunjukkan bahawa sejarah kecelaruan gender sudah wujud sejak zaman berzaman lagi. Keadaan ini menjadi ikutan demi ikutan atas pengaruh yang telah ditimpakan oleh laknat Allah. Keadaan ini berterusan sehingga sekarang, cuma isunya sama ada keadaan itu semakin menular, merebak dan berkembang mengikut arus kaum Nabi Luth yang dilaknat (Muhammad, 2004), atau pandai membawa diri mengikut jalan kebenaran sebagai manusia yang berfikiran normal.

Douglas dan Lori (2006) mengkategorikan transeksual sebagai *Gender Identity Disorder* iaitu suatu fenomena pengalaman yang lepas (kanak-kanak), dan juga satu proses pembelajaran sosial dalam menjadikan lelaki itu sebagai lelaki lembut. Keadaan ini merujuk kepada kecelaruan jantina secara hakiki sama ada berorientasikan kepada lelaki atau perempuan. Ini membuktikan bahawa kewujudan lelaki lembut merupakan satu situasi yang mana perubahan dan keperluan seseorang lelaki untuk bertingkah laku yang bertentangan dengan jantina asalnya. Kesannya membawa kepada perubahan yang tidak sepatutnya wujud dalam diri berasaskan kepada keperluan jantina lawannya itu. Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba untuk merungkai konsep transeksualiti ini berasaskan kajian lepas dan kajian kepustakaan dengan melihat mengikut perspektif Islam dan keluarga sehingga memberikan impak kepada kesejahteraan sosial.

Konsep Transeksualiti

Transeksual atau juga dipanggil sebagai *transgender* diklasifikasikan sebagai kecelaruan jantina atau *gender identity disorder* (A.P.A., 2000). Diagnosis yang diberikan untuk kriteria ini ialah berarah kepada jantina berlawanan dengan dirinya, sama ada dari segi permainan, perwatakan berlawanan, dan cara dan gaya berpakaian. Ketidakselesaian dengan jantina yang ada dalam dirinya menyebabkan lebih suka kepada jantina yang berlawanan, sekaligus selesa dengan keadaan tersebut. Tambahan pula tiada siapa yang menegur akan kelakuan itu, memberikan penegasan atas apa yang dilakukan (Roseliza, 2003). Perlakuan yang berterusan itu akhirnya menjadi sebatu sebagai cara hidup asas yang tidak perlu diubah lagi.

Meriam (2003) menyatakan bahawa transeksualisme berlaku apabila seseorang itu merasakan dirinya tidak sesuai dan tidak senang dengan jantina anatominya, serta mempunyai keinginan menukar jantina. Apa yang ada dalam dirinya dari segi fizikal merupakan suatu yang kurang disenangi dan lebih suka untuk kelihatan sebagai orang

yang berlawanan jantinya. Keadaan ini disamakan dengan kecelaruan identiti semasa kanak-kanak, sama ada dari segi perasaan dan tingkah laku sehingga terbawa-bawa ke alam dewasa. Keselesaan dan pengukuhan ini menjadi penerusan kepada tingkah laku dan perasaan untuk dibawa ke zaman dewasa.

Teh (2001) mendefinisikan golongan transeksual ini sebagai lelaki transeksual yang ingin menjadi perempuan dalam pelbagai aspek dan perempuan transeksual sebagai mereka yang ingin menjadi lelaki dalam pelbagai aspek. Namun perkataan yang sinonim dengan transeksual di Malaysia mengikut kajian Teh (2001) ialah gelaran sebagai *mak nyah*, *pondan* dan *bapok*. Manakala, bagi perempuan transeksual yang ingin menjadi lelaki digelar sebagai *pak nyah*, *tomboys* dan *abang*. Transeksual boleh dilihat jelas ke atas kaum lelaki berbanding dengan kaum perempuan. Keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat sekarang ini sebenarnya sedang sakit dan bercelaru, dan memerlukan rawatan sama ada melalui secara kaunseling, perubatan, psikologi, kerohanian dan kejiwaan. Ini bertujuan untuk memulihkan mereka kembali kepada jantina asal agar tidak jauh menjadi golongan yang terkeluar daripada batasannya.

Mahmood (2010) meletakkan isu transeksual sebagai kecelaruan psikoseksual. Pengkelasan itu lebih merujuk kepada *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (A.P.A., 2000) yang menyatakan sebagai kecelaruan identiti jantina. Isu transeksual merujuk kepada peranan jantina yang membawa maksud apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang itu untuk menyatakan bahawa ia termasuk dalam kategori lelaki atau perempuan, dan peranan seks yang dapat dilihat daripada cara seseorang itu berjalan, bercakap, memakai pakaian dan beberapa keadaan lagi yang memerihalkannya sebagai lelaki atau perempuan. Satu lagi elemen penting yang diusulkan ialah identiti jantina yang bermaksud konsep sendiri dan kepercayaan seseorang itu bahawa dirinya ialah seorang lelaki atau perempuan. Empat bentuk masalah yang diutarakan dalam kecelaruan psikoseksual utama iaitu transeksualisme, transvestisme, kecelaruan identiti jantina kanak-kanak dan kecelaruan identiti jantina atipikal.

Roseliza (2003) mengaitkan keadaan ini berasaskan kepada perspektif psikososial dan biologi. Kajian tersebut menjelaskan bahawa fenomena kecelaruan identiti jantina ialah apabila lelaki menjalani kehidupan sebagai wanita dan perempuan menjalani kehidupan sebagai lelaki. Kesimpulan daripada isu kecelaruan identiti jantina ini ialah berfokus kepada kekeliruan atau tidak kongruennya antara identiti sendiri atau identiti jantina dengan jantina biologikal yang dimiliki. Roseliza (2003) memetik Rueffer (1997) menyatakan bahawa kesedaran dan perasaan tentang sendiri (*sense of self*) amatlah perlu demi membawa jantina yang sebenar secara fizikal. Fenomena ini sudah lama wujud dan direkod sejak berkurun-kurun lamanya. Namun, apa yang perlu difahami sedalam-dalamnya hendaklah berasaskan kepada faktor penyebab dan perkembangannya yang masih lagi tidak dapat dijelaskan dengan sebaik mungkin. Kajian demi kajian haruslah dijalankan dengan lebih mendalam bagi mencari satu jawapan yang lebih konkrit dan kukuh sebagai bukti yang empirikal.

Ekens (1993) mengutarakan isu transeksual sebagai golongan lelaki keperempuanan atau *male femaling* serta membahagikannya kepada tiga sub-kategori. Kategori pertama ialah *body femaling* atau tubuh keperempuanan yang bermaksud keinginan untuk menukar imej badannya kepada perempuan, termasuk usaha untuk mengambil hormon, mengubah bentuk muka, rambut, suara dan kulit. Kategori kedua berkaitan

dengan erotik keperempuanan atau *erotic femaling* yang bermaksud kehendak layanan dari segi seksual berasaskan layanan sebagaimana perempuan normal yang lain. Kategori ketiga ialah gender keperempuanan atau *gender femaling* yang bermaksud perubahan secara keseluruhan termasuk tingkah laku, emosi, pemikiran dan sosio-budaya yang berkaitan dengan alam kewanitaan. Ketiga-tiga ciri ini boleh diterima pakai dan dijadikan asas untuk memperbaiki diri mereka kembali kepada jantina asal dan tidak menurut arus kelembutan yang ada dalam diri mereka (Amran, 2011).

Bockting *et al.* (1999) menyentuh isu transeksual sebagai satu kumpulan individu yang memakai pakaian bertentangan (*transvetisme*), mereka yang celaru gender, pemakaian dan tingkah laku sebagai 'queen' dan 'king'. Perkaitan itu merujuk juga kepada silang budaya jantina sama ada dari lelaki kepada perempuan, dan perempuan kepada lelaki. Kajian ini mengaitkan mereka yang bekerja sebagai pekerja seks, terutama yang bercelaru dari segi jantina ini mudah terdedah dengan jangkitan HIV tanpa pencegahan yang sewajarnya. Latihan dan bengkel kesedaran kepada mereka ini haruslah dijalankan untuk memberikan satu pengetahuan bahawa penyakit AIDS merupakan penyakit yang boleh berjangkit melalui hubungan sesama jenis, sama ada melibatkan kaedah oral dan juga anal. Penerimaan masyarakat, sokongan sosial, bengkel kesedaran dan pencegahan serta tingkah laku yang positif secara berterusan haruslah dijalankan kepada golongan transeksual ini bagi mengelakkan mereka dijangkiti HIV (Bockting *et al.*, 1999). Sesi temubual dengan mereka ini dijalankan dalam memahami diri mereka sebagai golongan transeksual sekaligus isu pencegahan penyakit AIDS.

Wan (1991) melihat keadaan ini sebagai dilema kecelaruan jantina yang juga dipanggil sebagai *mak nyah* di Malaysia. Panggilan sebegini telah lama wujud dan mereka dikatakan sebagai kelompok yang bersama antara satu sama lain. Ini kerana mereka memahami perasaan dan emosi antara satu sama lain dalam pelbagai aspek kehidupan. Secara asasnya, Islam meletakkan dua kategori keadaan ini iaitu *mukhannis* dan juga *mukhannas* (Wan, 1991). *Mukhannis* terdiri daripada mereka yang menginginkan identiti jantina berbeza daripada identiti jantina dalamannya yang asal. Manakala *mukhannas* pula terbahagi dua iaitu *mukhannas tabii* yang mempunyai ciri-ciri fizikal perempuan dalam diri dan tidak suka akan keadaan tersebut, dan *mukhannas paksaan* ialah mereka menganggap diri mereka sebagai lelaki dan masyarakat meletakkan mereka sebagai seorang perempuan. Dia sedar akan dirinya lelaki berasaskan kepada perasaan sendiri tetapi benci perasaan dan tarafnya sebagai seorang lelaki yang menyebabkannya ingin menjadi jantina berlawanan. Inilah punca kepada kewujudan golongan transeksual hasil daripada kelemahan jiwa dalaman untuk berarah kepada jantina hakikinya dan masyarakat pula menyokong sikap, perasaan dan tingkah laku yang berlawanan dengan jantintanya itu. Kesannya, golongan ini selesa dengan apa yang ada dalam diri dan meletakkan taraf keperempuanan yang tinggi mengikut arus pandangan masyarakat tersebut.

Farahwahida dan Sharifah (2010) menyatakan bahawa lelaki lembut ini merupakan lelaki yang dikaitkan dengan golongan yang menular sedikit demi sedikit dalam masyarakat sehingga kurang disenangi oleh kebanyakan individu. Keadaan ini dilihat kepada beberapa kriteria iaitu melalui fesyen pakaian (bedak alas, gincu bibir, pengilat bibir, celak dan maskara), lontaran suara yang perlahan, lembut dan teratur

agar menyerupai perempuan dan juga dari segi gaya tingkah laku (lenggang-lenggok) dalam satu kumpulan yang sama jenis dengan mereka (Farahwahida dan Munirah, 2010). Pengkategorian ini dikatakan asas untuk menyatakan bahawa golongan lelaki lembut ini sebenarnya adalah dalam keadaan sedemikian. Aspek sedemikianlah yang merupakan pegangan asas dalam pengkajian tentang lelaki lembut tersebut dan dikatakan sebagai keadaan yang kurang bersesuaian dengan jantina asal yang wujud dalam dirinya.

Suriati *et al.* (2011) menyatakan transeksual ialah satu situasi seseorang cenderung mengenal pasti diri mereka sebagai gender yang tidak konsisten dengan jantina biologi mereka dan pada kebiasaan mereka akan melakukan usaha untuk menukar secara fizikal kepada berarah jantina yang berlawanan. Kajian ini menyatakan dari sudut geografi bahawa pembentukan transeksual ini turut dipengaruhi oleh infrastruktur komuniti masa sekarang yang lebih berbentuk landskap harian seperti ruang awam (Suriati *et al.*, 2011). Mereka berani untuk kelihatan sedemikian hasil daripada *role model* dan infrastruktur tersebut dan memberanikan diri dengan membuktikan bahawa mereka ingin menjadi sebagaimana jantina yang berlawanan dengannya. Inilah yang dikatakan golongan transeksual bukan sahaja disebabkan oleh faktor dalaman individu semata-mata malah melibatkan juga keadaan persekitaran seperti ruang awam harian yang mempengaruhi dan mengukuhkan mereka untuk menjadi sedemikian dan mengekalkan gaya hidup sedemikian. Perubahan untuk menjadi ke arah jantina lain boleh mencorak individu kepada pembentukan sikap, perasaan, dan keadaan fizikal yang menjadi cemuhan masyarakat. Keadaan yang wujud ini sama sekali tidak membantu kepada kesejahteraan sosial masa kini dan akan datang.

Perspektif Islam

Islam meletakkan sesuatu sebagai yang lahir hasil daripada keyakinan diri seseorang bahawa segala apa yang dilakukan dan berlaku (fizikal, emosi dan rohani) adalah semata-mata daripada Allah dan kepada Allah (Khaidzi *et al.*, 2009). Semuanya berpaksikan kepada kesejahteraan diri dan sosial untuk menjadikan seseorang manusia itu kamil di atas dunia ini. Mengikut Keputusan Fatwa Kebangsaan pada tahun 1989 menyentuh isu dan kedudukan *mak nyah* dalam Islam sebagai isu yang sangat penting dan berkait rapat dengan transeksual (JAKIM, 2007). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali ke-25 mengfatwakan bahawa pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak. Dalam pada itu, perbincangan tentang keadaan mereka yang dilahirkan *khunsa musykil* iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai. Manakala dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-4 pula menyentuh tentang pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram dari segi syarak. Seseorang yang dilahirkan lelaki hukumnya tetap lelaki, walaupun ia berjaya ditukarkan jantintanya melalui pembedahan. Begitulah juga dengan jantina seorang perempuan tetap perempuan walaupun ditukar jantintanya melalui pembedahan (JAKIM, 2007). Islam telah menggariskan bahawa lelaki adalah

tetap lelaki dan perempuan kekal sebagai perempuan.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis kebangsaan ke-83 memutuskan bahawa pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai tingkah laku serta naluri seperti lelaki adalah haram di sisi Islam (JAKIM, 2009). Pegangan yang diambil ialah lelaki mahupun wanita Islam adalah sama sekali ditegah menampilkan diri dengan penampilan bertentangan dengan sifat-sifat semula jadi mereka, atau dalam erti kata lain ialah meniru dan menyerupai (*tasyabbuh*) jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka. Dari segi perkahwinan, Islam mengiktiraf dan menghalalkan perkahwinan sah antara lelaki dengan perempuan sahaja sedangkan perkahwinan atau perhubungan sesama jantina seperti lelaki dengan lelaki, dan wanita dengan wanita adalah tidak diharamkan sekeras-kerasnya (JAKIM, 2009).

Sharifah (2008) melihat golongan sebegini sebagai golongan yang tidak mensyukuri pemberian Allah. Sebilangan daripada golongan lelaki lembut ini ingin mengubah jantina yang ada dalam dirinya dan suka kepada perwatakan sebagai seorang perempuan. Sama juga halnya jika seorang perempuan yang mahukan jantina lawannya dan berperwatakan sebagai seorang lelaki. Islam menegah keadaan sebegini dan meletakkan hukum sebagai haram kepada segala perlakuan, pemakaian dan apa sahaja yang berkenaan hal sedemikian sebagai suatu yang sama sekali tidak boleh diamalkan. Sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas yang bermaksud, "Rasulullah s.a.w. mengutuk laki-laki yang berpakaian seperti wanita, dan wanita berpakaian seperti lelaki" (Sharifah, 2008).

Penegasan sebegini menyatakan bahawa manusia yang beragama Islam ditegah sama sekali berkelakuan dan bertindak sedemikian. Sudah jelas dan nyata bahawa hukum Allah menetapkan bahawa lelaki akan hidup dan berperwatakan sebagai lelaki dan perempuan akan berperwatakan kekal sebagai perempuan. Allah meletakkan satu darjat yang tinggi bagi kaum lelaki sebagai pemimpin untuk segala bentuk kepimpinan sama ada melibatkan dalaman atau luaran. Sudah menjadi lumrah alam bahawa lelaki bertanggungjawab untuk melindungi kaum perempuan dan bukannya bertindak untuk menukar jantina menjadi seorang perempuan dan dilindungi. Kesedaran, penerimaan dan rasa bersyukur dengan jantina yang diberikan oleh Allah sudah cukup membuktikan bahawa kita semua harus reda dan meneruskan kehidupan sebagaimana jantina yang ada pada hari ini sebagai seorang insan yang bertaqwa.

Muhammad (2004) melihat transeksual sebagai pemuda *amrad* yang dicirikan sebagai budak lelaki bujang, belum berjanggut lagi dan sangat menawan orangnya. Para ulamak juga berwaspada dan memakruhkan lelaki *amrad* ini menjadi imam solat. Alasannya ialah bahawa ini merupakan satu sumber ketidakmoralan yang memerlukan dijauhkan diri daripadanya. Muhammad (2004) memetik Imam Nawawi bahawa adalah dilarang untuk melihat seorang pemuda *amrad* yang kacak sama ada kemungkinan ia menyebabkan godaan atau tidak

Muhammad (2004) juga memetik Imam Syafiee dan para sahabat turut menghuraikan berdasarkan kepada huraian di atas dengan menyatakan,

Alasan bagi larangan ini ialah para pemuda ini hendaklah dilayan seperti perempuan, kerana mereka adalah menawan. Dari segi kecantikan, muka *amrad* adalah seperti muka seorang perempuan, ada kalanya sesetengah *amrad* jauh lebih cantik

dibandingkan dengan perempuan. Atas alasan ini, adalah lebih dilarang untuk melihat kepada mereka. Tambahan pula, perempuan tidak boleh dihampiri dengan mudah, tidak seperti pemuda amrad yang kacak untuk perbuatan keji.

Dalam keadaan ini, Imam Syafiee dan para ulamak Syafiiyah tidak menganggap betul untuk melihat kepada pemuda amrad sama ada untuk tujuan kejahatan atau tidak. Mereka beranggapan bahawa adalah wajib untuk berjaga-jaga dalam hal ini dan alasan ini diterima akal oleh semua manusia. Berhati-hati dalam erti kata sebenar iaitu yang bermaksud tidak membawa kepada fitnah dan membawa hala tuju ke arah kemaksiatan. Memandang sesuatu atas dasar kebaikan dan bukan bertujuan kejahatan yang boleh menghancurkan sesuatu umat itu. Keadaan inilah yang dikatakan sebagai songsang dan bertentangan dengan fitrah seorang manusia yang diciptakan oleh Allah secara berpasangan dan berlumba-lumba mencari pasangan mereka sendiri (Zulkifli, 2010). Jiwa dan roh yang baik boleh dibentuk dengan pendidikan yang sihat, manakala jiwa dan roh masyarakat itu hanya boleh dibentuk melalui pendidikan keluarga yang sihat juga.

Larangan yang keras bersama-sama dengan pemuda amrad kerana keadaan ini boleh menimbulkan pelbagai fitnah dan gangguan syaitan. Muhammad (2004) memetik Ibnu Hajar al-Haithami,

Daku menganggap melihat kepada pemuda amrad, menyentuh dan bertemu dengannya secara sunyi, adalah dosa besar. Terdapat satu rangsangan terlaknat pada pemuda amrad. Ini juga terhasil oleh hakikat bahawa homoseks dan zina adalah dosa besar, maka mendekatinya juga adalah ditanggapi sedemikian.

Penekanan sebegini berasaskan bahawa walaupun melihat kepada seorang pemuda atau perempuan secara bernafsu, itu dikira sebagai melakukan zina. Hukum kepada pezinaan dan liwat adalah haram. Imam Abu Hanifah Rahmatullah memperjelaskan bahawa undang-undang haruslah mengikut budi bicara pemerintah atau imam waktu itu, sama ada membakar, membunuh dengan melemparkannya dari bukit yang tinggi, atau memancungnya, atau mencadangkan sesuatu hukuman yang lain bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan. Pandangan Imam Syafiee dan Imam Yusuf Rahmatullah di kalangan Mazhab Hanafi berkeyakinan bahawa hukuman yang ditetapkan bagi amalan keji ini haruslah sama dengan hukuman zina (Muhammad, 2004).

Mengikut perundangan di Malaysia, sekiranya berlaku persetubuhan dengan aturan tabii, semuanya termaktub dalam Kanun Keseksaan, seksyen 377A, B, dan C yang memperjelaskan tentang Kesalahan-kesalahan Luar Tabii (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2003). Dalam seksyen 377A ini menyatakan mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang yang lain, dengan memasukkan kemaluannya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikatakan telah melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii. Seksyen 377B pula meletakkan hukuman dengan hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun, dan boleh disebat jika sabit kesalahan. Seksyen 377C menyentuh hubungan ini tanpa kerelaan atau bertentangan dengan kemahuannya serta meletakkan orang lain dalam ketakutan atau mati, atau cedera kepada orang lain, hendaklah diseksa selama tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun serta dikenakan

sebatan bersabit kesalahan. Hukuman ini terpakai bagi semua golongan sama ada transeksual atau mereka yang normal berasaskan kepada hukuman tersebut.

Sejarah Islam mencatatkan kaum Nabi Luth Alaihi Salam yang mengalami permasalahan masyarakat dan sosial akibat perbuatan terkutuk mereka (Harun, 2010). Pengajarannya ialah perbuatan yang terkutuk dan melanggar fitrah sebagai manusia lelaki dan perempuan pasti akan mempunyai pembalasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan itu (Harun, 2010). Mereka yang mengingkari jalan yang telah digariskan pasti akan menemui pembalasan setimpal dengan apa yang dilakukannya.

Abdul (2001) menyatakan peranan perempuan dan lelaki adalah sangat berbeza dan masing-masing bertanggungjawab atas segala perlakuan yang dilakukannya. Ciri-ciri fizikal seorang perempuan sangat berbeza dengan lelaki dan perbezaan secara anatomi serta fisiologi menyebabkan perbezaan kepada struktur tingkah laku antara kedua-dua jantina itu yang menjadi tarikan dalam kalangan mereka.

Pendapat ini disokong Siti (2009) yang menjelaskan bahawa Islam lebih mengaitkan keadaan transeksual ini dengan sejarah kaum Nabi Luth iaitu perlakuan seksual luar tabii yang menjadi tegahan utama sama ada melibatkan dengan sesama jantina dan juga dengan haiwan. Malah, mereka yang transeksual dan terjebak dengan homoseksual dikategorikan sebagai mereka yang lari daripada orientasi seksual sebenar. Keadaan ini menyumbang kepada penyakit-penyakit pelik termasuklah AIDS. Pengkategorian jantina utama mengikut al- Quran hanya berasaskan empat jenis sahaja iaitu lelaki, perempuan, khunsa (mereka yang mempunyai dua alat kelamin) dan juga mukhannis atau mukhannas (Siti, 2009). Pengajian Fiqh tidak menyebut tentang orientasi seksual (homoseksual) dan hanya merujuk kepada khunsa sebagai terma yang mengalami permasalahan jantina. Isu yang lebih berkaitan dengan lelaki lembut atau transeksual ini merujuk kepada zaman kaum Nabi Luth. Mereka dikatakan sebagai pelampau dari segi sikap dan tingkah laku yang berorientasikan seksual sesama jantina. Keadaan ini menjadi rujukan untuk menyatakan bahawa isu transeksual sebenarnya dalam kategori isu yang melibatkan kecelaruan jantina.

Mat (2008) menyentuh isu transeksual dengan perkahwinan sesama jenis. Ini kerana di Malaysia telah dikejutkan dengan isu perkahwinan sejenis di Sarawak. Salah seorang pasangan telah menukar jantintanya menjadi perempuan melalui pembedahan dan melangsungkan perkahwinan yang disahkan oleh tiga orang paderi di salah sebuah gereja negeri tersebut Alan (2005). Di dalam Islam, tidak ada perkahwinan jika berlaku sesama jantina sama ada lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Perkahwinan yang disahkan ialah antara lelaki dengan perempuan sahaja, tertakluk kepada rukun dan syarat yang diperuntukkan dalam sesebuah perkahwinan (Zulkifli, 2010). Para sarjana Islam meletakkan hubungan luar tabii sebagai *sihaq* atau *musahaqah* iaitu perbuatan yang bertujuan memuaskan nafsu seks masing-masing dengan cara tertentu. Semua ini termaktub dalam Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud), Negeri Kelantan, fasal 19. Pengharaman ini jelas berdasarkan kepada sebuah hadis Rasulullah yang bermaksud:

Seorang lelaki janganlah melepaskan nafsunya kepada seorang lelaki di dalam sehelai kain, dan seorang perempuan janganlah melepaskan nafsunya kepada seorang perempuan dalam sehelai kain.

(Mat, 2008)

Maksud hadis ini jelas menampakkan bahawa pengharaman hubungan seksual sesama jenis jika berlaku dalam kalangan mereka yang transeksual sama ada melibatkan lelaki lembut atau perempuan keras. Malah, mereka dilabel sebagai pezina dan hukumnya adalah sama sebagaimana mereka yang berzina antara lelaki dengan perempuan.

Perspektif Keluarga

Cohen dan Gooren (1999) melihat daripada perspektif keluarga yang melibatkan keadaan transeksual dalam kalangan anak-anak. Faktor keluarga sangat mempengaruhi anak-anak menjadi sedemikian rupa, sama ada karakter itu membina perwatakan berasaskan jantina diri atau sebaliknya. Kajian ini melihat hubungan kerapatan yang amat sangat dengan ibu (*blissful symbiosis*) sebagai pendorong kepada pembentukan anak yang transeksual ini. Karakter yang dibina di dalam hubungan dengan bapa dan ibu adalah berbeza, dan keadaan ini merujuk kepada teori kefungsi keluarga dari segi sosiologi. Dalam sesebuah keluarga, secara zahirnya bapa akan menyumbangkan peranan kepada anak lelaki dari segi instrumental, manakala ibu pula akan menyumbangkan peranan kepada anak perempuan dari segi ekspresif (Rozumah dan Rumaya, 2002). Instrumental bermaksud dari segi penjagaan, pengurusan sumber keluarga, perlindungan dan corak pentadbiran sesebuah keluarga. Manakala ekspresif melibatkan emosi, kasih sayang, budaya dan sokongan sosial kepada anak-anak. Namun tanggungjawab ini telah berubah di mana keadaan kerapatan hubungan yang amat sangat antara ibu dengan anak lelaki telah memberikan sumbangan lebih berbau ekspresif kepada anak lelaki, yang sepatutnya dimainkan oleh anak perempuan. Karakter dan personaliti yang dibina lebih kepada keperempuanan oleh anak lelaki tersebut (Cohen dan Gooren, 1999) kesan daripada perapatan yang amat sangat itu.

Namun keadaan ini boleh berubah dengan didikan dan juga asuhan ibu bapa kepada anak-anak melalui penegasan terhadap peranan jantina yang ada dalam diri mereka. Tidak bermakna kesemua anak lelaki yang rapat dengan ibu mereka bertindak sedemikian rupa kerana kesahihan kajian ini masih dikaji untuk mendapatkan penjelasan yang selanjutnya (Cohen dan Gooren, 1999). Lelaki yang memiliki sifat kewanitaan bukan bermaksud untuk menjadi lelaki lembut sepenuhnya tetapi menjadi lelaki yang gemar menghabiskan masa bersama anak-anak dan isteri di rumah. Mereka mengambil tahu segala urusan adik-beradik yang lain, pembela dan pelindung kepada mereka kala suka dan duka. Hubungan keakraban sebegini mewujudkan sifat penyayang yang lahir melalui pertuturan dan tingkah laku. Lelaki sebegini dikategorikan sebagai lelaki romantik kerana mengetahui dan memahami kehendak pasangan dan orang sekelilingnya. Kefahaman sebegini akan membawa satu sempadan pengenalan antara lelaki lembut dan lelaki romantik, serta memperjelaskan watak dalam keadaan sekeliling yang timbul (Yusof dan Nor'izam, 2010).

Farahwahida dan Sharifah (2010) memperjelaskan tentang faktor keluarga sebagai penyumbang kepada pembentukan golongan transeksual. Rumusan hasil temubual dengan beberapa orang sampel ialah kurangnya kasih sayang daripada seorang bapa. Tambahan pula, perwatakan bapa itu agak tegas sehingga mendorong mereka untuk lebih rapat dengan ibu. Berlaku satu proses perapatan yang ketara dan imej ibu dijadikan

model untuk pembentukan sahsiah dan peribadi dalam diri. Perwatakan ibu yang penyayang, pengasih dan lemah lembut melayan anak sedikit sebanyak mempengaruhi jiwa anak itu untuk menyerap apa sahaja yang lahir daripada perlakuan ibunya. Dalam pada itu, ketiadaan adik beradik lelaki dan banyaknya adik beradik perempuan mampu membawa kepada perkongsian pengalaman dan emosi suka duka sehingga mereka lebih suka untuk tidur bersama dengan kakak-kakak mereka (Farahwahida & Sharifah, 2010). Roselin (2003) memetik Stoller menyatakan peranan ibu dan bapa waktu ini sangat penting, dan mereka harus mendidik dengan cara yang terbaik atas dasar kasih sayang berasaskan kepada apa yang sepatutnya diberikan. Sikap bapa yang tidak memberikan kasih sayang kepada anak lelaki berbanding anak perempuan melahirkan pembentukan anak sebegini. Tambahan pula, bapa merupakan seorang yang tegas dengan anak lelaki dan selalu membezakan antara anak lelaki dengan anak perempuan dari segi layanan. Perbezaan itu memberikan satu tanggapan negatif di peringkat kecil bagi anak lelaki, bahawa lelaki merupakan seorang yang sangat kasar dan takut untuk didekati. Itulah kemudharatan yang bakal diterima oleh anak-anak yang tidak merasa akan kasih sayang seorang bapa.

Dalam pada itu, Farahwahida dan Sharifah (2010) memperjelaskan bahawa keadaan anak-anak lelaki yang suka kepada alat-alat solek dan pakaian ibunya semasa kecil mempengaruhi anak-anak itu menjadi transeksual. Anak-anak akan memakai pakaian ibunya dan bersolek seolah-olah dia seorang perempuan sebagaimana ibunya itu. Ibunya yang tidak menegur malah diberikan lagi pengukuhan dengan mengalakkan memakai pakaian perempuan yang cantik akan membawa kepada pembentukan anak lelaki yang suka kepada barangan seorang perempuan dan akhirnya membawa kepada pembentukan diri sebagai seorang yang transeksual (Roseliza, 2003). Kesukaan itu dipupuk pada peringkat awal lagi sehinggalah pembentukan itu menjadi sebatil dalam jiwa dan merasakan itulah dirinya yang sebenar. Solekan dan memakai pakaian itu akhirnya menghasilkan anak yang terkategori dalam anak yang transeksual (Teh, 2001).

Roseliza (2003) juga memetik Green yang menyatakan bahawa kejadian transeksual lelaki kepada perempuan ialah kerana kegagalan berlakunya perpisahan sendiri (*self*) dari ibu di zaman awal kanak-kanak. Hubungan rapat itu meletakkan dirinya ingin menjadi sebagaimana ibunya apabila sudah dewasa kelak. Situasi sebegini boleh berlaku kepada ibu tunggal atau keluarga yang kekurangan kasih sayang daripada golongan bapa. Penyerapan berkisarkan daripada sikap dan perasaan ibunya. Ketiadaan *role model* daripada bapa untuk mengajar ciri-ciri kelelakian sebagai identiti jantina hakiki menyumbang kepada pembentukan sedemikian rupa. Semua ini berkaitan dengan teori psikodinamik dan juga pendekatan tingkah laku (*behaviourisme*) berasaskan pembentukan anak-anak hasil sosialisasi. Keadaan yang berterusan sedemikian sudah pasti membawa kepada pembentukan lelaki yang bersifat transeksual kerana penyerapan ciri-ciri kelelakian ke dalam dirinya tidak banyak. Fokus dan perhatian lebih kepada ibunya yang selama ini membantu pembentukan identiti dan sendiri anak tersebut.

Selain itu, kajian dari Teh (2001) menyatakan bahawa kebanyakan golongan transeksual ini dalam keluarga yang besar iaitu melebihi daripada 3 orang anak. Mereka terdiri daripada anak lelaki peringkat awal dan mengambil *role model* anak perempuan

ke atas dirinya selama membesar bersama-sama mereka. Mereka menjelaskan yang mereka bukanlah menjadi sedemikian rupa kerana disebabkan oleh rol model adik beradik perempuan, iaitu kakak mereka sebagaimana yang dipercayai oleh masyarakat Malaysia. Banyak keadaan dan faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka sebegini. Terdapat juga pendapat yang mengatakan ahli keluarga sebelah bapa dan sebelah ibu mereka ada yang mempunyai masalah kecelaruan identiti (Teh, 2001). Keadaan sebegini mampu mempengaruhi kewujudan golongan transeksual dan berarah kepada jalan yang tidak sepatutnya. Faktor adik beradik seperti kakak dan abang bukanlah satu alasan untuk dikatakan bahawa mereka akan menjadi sedemikian rupa. Mungkin ada kebenarannya jika keadaan itu disusuli dengan solekan, atau pemakaian dan pupukan perasaan dalaman berdasarkan kepada adik beradiknya itu. Tidak dinafikan juga tindakan abang-abang yang menolak (*rejection*) adiknya serta selalu mengutuk dan mengeji adik-adiknya itu dengan memberikan gelaran-gelaran tertentu sehingga akhirnya dibuktikan berasaskan gelaran yang tidak sepatutnya wujud dalam diri (Amran, 2011). Gelaran yang baik akan membuahkan sesuatu keadaan yang baik dan gelaran yang buruk sedikit sebanyak mempengaruhi keadaan itu berlaku sedemikian rupa. Akhirnya, kesejahteraan sosial tidak kelihatan kerana masing-masing meletakkan gelaran yang buruk kepada sesuatu sebagai satu tanda kepuasan ke atas dirinya dengan melabelkan orang lain sebegitu rupa.

Rumusannya, transeksualiti merupakan isu yang perlu diambil berat dan perhatian oleh semua pihak dalam membantu mereka kembali ke pangkal jalan. Islam merupakan ajaran yang mengajar manusia dengan cara hidup yang lengkap, bebas dari keterlaluan, menjernihkan, membetulkan keimanan, muamalat dan juga tingkah laku manusia sama ada secara dalaman atau luaran (Muhammad, 2004). Justeru, benarlah manusia hari ini wajar berpaksikan kepada fitrah manusia dan sama sekali tidak membenarkan pertukaran jantina. Pemesongan nafsu seks ke arah yang bertentangan harus dihindari sepenuhnya demi mengikut luras dan syarak agama. Peranan keluarga sangatlah perlu dan harus meletakkan kepercayaan serta keharmonian keluarga sebagai satu landasan kepada kejernihan sesebuah perhubungan sesama ahli dalam keluarga (Strong *et al.*, 2001). Semua ini bertujuan agar terhindar dari segala bentuk kerosakan yang melibatkan kecelaruan jantina yang menghanyutkan seseorang manusia. Hakikatnya, perspektif Islam dan keluarga merupakan asas pengkajian untuk melihat kewujudan golongan transeksual ini serta menjadikannya satu rujukan berasaskan fitrah manusia.

Kesimpulan

Kewujudan golongan transeksual ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian, dalam mengembalikan mereka mengenali gender masing-masing. Keadaan ini tidak membantu kepada suasana yang sejahtera dalam konteks sosial. Peranan Islam dan keluarga sudah lama membuktikan kewujudan mereka ini sebagai satu isu yang harus ditangani oleh semua pihak. Justeru, pertolongan demi pertolongan secara kaunseling, psikologi, perubatan, pendidikan Islam dan apa sahaja rawatan hendaklah dilakukan bagi membantu mereka agar tidak terpesong dari landasannya. Sikap, peranan dan perasaan dalaman keluarga sangat membantu menghindarkan daripada berlalunya keadaan ini, dan membawa kepada kesejahteraan sosial. Menghukum dan

meletakkan mereka ini sebagai golongan *third sex* tidak harus dilakukan dan peranan bimbingan mampu membawa kepada kesejahteraan peribadi dan sosial. Adalah tidak wajar kita membiarkan mereka hanyut dengan keadaan ini tanpa menyedarkan mereka akan peranan jantina asalnya. Sekurang-kurangnya, kita membantu mereka mengenali gender yang benar-benar ada dalam diri mereka (Amran, 2011). Dengan cara inilah mereka akan kembali kepada apa yang wujud dalam diri mereka berasaskan ketetapan asal mengikut ajaran agama dan pasti membawa kejayaan dan kebahagiaan di dunia mahupun akhirat. Seseorang yang berjaya dan sejahtera adalah orang yang gembira, tiada perasaan negatif serta berpuas hati dengan segala kehidupan yang dilaluinya (Rohany dan Fatimah, 2006).

Rujukan

- Abdul Qadir Jelani. (2001). *Rumahku Syurgaku: Keluarga Sakinah*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Alan Ting. (14 November 2005). Kerajaan Tidak Mengiktiraf Perkahwinan Sejenis. *Bernamea*. Diakses daripada http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=164877.
- Amran Hassan. (2011). *Konflik*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- A.P.A., American Psychiatric Assoc. (2000). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Edisi Keempat. American Psychiatric Assoc
- Azizi Yahaya dan Jamaludin Ramli. (2007). *Psikologi Abnormal*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bockting, W.O., Rosser, B.R.S., dan Scheltema, K. (1999). Transgender HIV Prevention: Implementation and Evaluation of A Workshop. *Health Education Research*, 14(2), 177–183.
- Cohen-Kettenis, P.T., dan Gooren, L.J.G. (1999). Transsexualism: A Review of Etiology, Diagnosis and Treatment. *Journal of Psychosomatic Research*, 46(4), 315–333.
- Douglas, P. S., dan Lori, L.R. (2006). Transsexual's sexual stories. *Archives of Sexual Behavior*, 5(1), 75–86.
- Ekins, R. (1993) On male femaling: a grounded theory approach to cross-dressing and sex-changing. *The Sociological Review*, 41, 1–29.
- Farahwahida Mohd Yusof dan Sharifah Munirah Timmiati. (2010). Lelaki lembut: Faktor dan kesannya kepada pembentukan sahsiah Mahasiswa IPTA. Diakses daripada http://eprints.utm.my/11174/1/Lelaki_Lembut_Faktor_Dan_Kesannya_Kepada_Pembentukan_Sahsiah_Mahasiswa.
- Harun Yahya. (2010). *Kaum-kaum yang pupus*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- JAKIM. (2007). *Keputusan Fatwa Kebangsaan*. (Siri I). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Sdn. Bhd.
- JAKIM. (2009). *Pengkid*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Sdn Bhd.
- Jimat, J. (10 Februari 2010). Lelaki Lembut. *Berita Harian Online*. Diakses daripada 10 Februari. <http://berita-harian-online.com/lelaki-lembut>.
- Khaidzir Haji Ismail, Jawiah Dakir, Fariza Md Sham, Hanina H. Hamsan. (2009). *Psikologi Islam: Falsafah, Teori, dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2003). *Panduan Undang-undang Jenayah*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mahmood Nazar Mohamed (2010). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mat Saad Abd. Rahman. (2008). *Isu-isu dalam Masyarakat Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Meriam Omar Din. (2000). Kajian Kes Kaunseling Seksualiti: Masalah Seorang Dewasa Transeksual. *Jurnal PERKAMA*, 8, 153–173.
- Muhammad Zafeeruddin. (2004). *Bahaya Homoseks Liwat*. Klang: Klang Book Centre.
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roseliza Murni Ab. Rahman. (2003). Kecelaruhan Identiti Jantina: Perspektif Psikososial dan Biologi. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 19, 41–57.
- Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari. (2002). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sharifah Munirah Timmiati. (2008). Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA. Diakses daripada <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfw>.
- Siti Musdah Mulia. (2009). Understanding LGBT Issues in Islam Promoting The Appreciation of Human Dignity. *2nd CSBR Sexuality Institute – 11-18 September 2009*. Istanbul. Diakses daripada www.asiapacificforum.net/issues/sexual_orientation.
- Strong, B., DeVault, C., Sayad, B. W., dan Cohen, T. F. (2001). *The Marriage And Family Experience*. Edisi Kelapan. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil dan Azilah Mohamad Nor. (2011). Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 77–95.
- Teh, Yik Koon. (2001). Mak nyahs (male transexuals) in Malaysia: The influence of culture and religion on their identity. *The International Journal of Transgenderism*. 5(3) July–Sept 2001.
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema mak nyah: Suatu ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahaya Mahamood. (2002). Kesihatan dan pencapaian kesejahteraan manusia: Perdampingan sumber-sumber biologikal dengan faktor-faktor psikologikal dan sosial. *Pasca Sidang Seminar Psikologi – Psima 2000 dan 2002*, 2, 1–16.
- Yusof Abbas dan Nor'izam Alias. (2010). *Psikoseksual remaja lelaki: Dari perspektif biologi dan Islam*. Port Dickson: Nur Tijarah Enterprise.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2010). *Sistem kekeluargaan Islam: Panduan lengkap ke arah pembentukan keluarga bahagia*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.